

CNS9990

U GB 22-08 00192 BA039

BAH

KURANGKAN KARENAH BIROKRASI UNTUK TARIK PELABURAN, KATA PM
(Embargo: Untuk Siaran Selepas 10 Malam Ini)

Mahathir - Mida

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri mahu pihak pentadbiran mengurangkan karenah birokrasi untuk menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, selain daripada mengurangkan karenah birokrasi, syarat-syarat pelaburan perlu dipermudahkan lagi bagi membolehkan kelulusan secara automatik dibuat terhadap projek-projek yang telah memenuhi keperluan yang ditetapkan.

+Ahli politik bertanggungjawab terhadap suasana politik. Tetapi ahli pentadbiran di semua peringkat mesti sentiasa terus memperbaiki perkhidmatan dan kecekapan mereka, + katanya ketika berucap pada jamuan ulangtahun ke-25 Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) di sini, malam ini.

Sambil menekankan tentang pentingnya kecekapan pentadbiran dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan ke negara ini, beliau berkata, usaha itu amat perlu kerana apa yang penting kepada para pelabur, sama ada tempatan atau asing, ialah kecekapan pentadbiran dan suasana politik yang sesuai untuk kejayaan sistem ekonomi bebas.

Untuk mengurangkan bebanan kerja dan laporan-laporan yang memakan masa panjang, Dr Mahathir mencadangkan penggunaan borang yang mudah diisi serta memastikan persembahan projek dibuat mengikut format yang tetap. -- Lagi.

▼22/08/21-13MST

U GB 22-08 00145 BA040

BAH

Mahathir - Mida 2 Kuala Lumpur

Di samping itu apa juga cara yang boleh menyumbang ke arah kecekapan, termasuk penggunaan komputer secara meluas, hendaklah dilakukan dan sejajar dengan itu Perdana Menteri mencadangkan agar perisian komputer yang boleh menyediakan data-data yang diperlukan direka-bentuk.

Dr Mahathir berkata, bagi projek-projek yang tidak dapat diluluskan dengan segera pula, satu tempoh yang tetap, mungkin seminggu sahaja, hendaklah diberikan.

Dalam memutuskan sesuatu projek pula, beliau mengingatkan bahawa tidak ada keputusan yang tidak cacat kerana semua keputusan ialah pilihan daripada beberapa pilihan yang tidak sempurna.

Oleh itu, katanya, jawatankuasa pegawai yang terbabit tidak harus merasakan mereka tidak bijak kecuali keputusan itu jelas tidak sesuai kerana yang penting ialah mempelajari daripada keputusan-keputusan yang lalu.

Beliau yakin akan tiba waktunya kesilapan akan dapat dikurangkan walaupun ia tidak dapat dihapuskan sama sekali. -- Lagi.

▼22/08/21-16MST

U GB 22-08 00148 BA041

BAH

Mahathir - Mida 3 Kuala Lumpur

+Tetapi tidak membuat keputusan atau keputusan yang lewat ialah lebih teruk daripada keputusan yang buruk,+ kata beliau.

Mengenai peranan Mida, Dr Mahathir berkata, paras pelaburan dalam sektor pembuatan kini ialah bukti prestasi lembaga itu dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai penggalak dan penyelaras pelaburan-pelaburan perindustrian di Malaysia.

Di samping itu, katanya, Mida juga memberikan maklum balas kepada kerajaan bagi membolehkannya merangka dasar-dasar dan insentif baru sebagai usaha mendahului negara-negara lain dalam persaingan untuk mendapatkan modal dan teknologi asing.

Perdana Menteri berkata, kejayaan Mida disebabkan gabungan sihat pelbagai faktor seperti prinsip pengurusan yang mantap serta kakitangan yang berdedikasi dan faham tentang objektif lembaga itu.

Bagaimanapun, beliau mahu Mida sentiasa mengikuti perkembangan pasaran dan mengubah suai pendekatannya mengikut perubahan yang berlaku memandangkan ia perlu memikul tanggungjawab yang bertambah sejajar dengan Wawasan 2020 negara. -- Lagi.

♥22/08/21-18MST

CNS9993

U GB 22-08 00131 BA042

BAH

Mahathir - Mida 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Untuk itu, kata Dr Mahathir, profesionalisme kakitangan Mida perlu sentiasa dinilai dan ditingkatkan dengan mengadakan latihan yang sesuai untuk mendapatkan kemahiran kerana adalah tidak mencukupi untuk hanya mengharapkan pilihan yang baik semasa mengambil kakitangan baru.

Beliau berkata, usaha ke arah itu penting kerana cabaran yang dihadapi semakin kompleks akibat pertambahan saingan berikutan begitu banyak negara menukarkan sistem ekonomi mereka daripada sistem terancang pusat kepada pasaran bebas dan perusahaan persendirian.

Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa sesetengah negara mampu menawarkan buruh mahir dan murah serta rajin dan berdisiplin sedangkan Malaysia menghadapi kekurangan pekerja, yang sudah pasti meningkatkan kadar upah.

+Kecuali kita merangka strategi-strategi baru, Malaysia tidak akan lagi begitu menarik kepada pelabur-pelabur,+ ujar beliau. -- Bernama.